

24/03/2001

Pembangkok wajar hormati keputusan majoriti

Putera Kajang

SEBELUM, semasa dan selepas meletusnya Perang Teluk pada 1991, media Barat terutama `polis dunia' Amerika Syarikat, terus-terusan menggambarkan Presiden Iraq, Saddam Hussein, sebagai manusia paling kejam dan tidak berhati perut yang perlu dihapuskan dari muka bumi ini.

Media Barat juga tidak jemu-jemu melukis wajah Saddam sebagai pemimpin yang akan membawa kehancuran kepada manusia sejagat, khususnya bagi dunia Arab, kerana kononnya Iraq sedang memajukan senjata kimia secara rahsia.

Seluruh dunia, termasuk di Malaysia telah memetik berita-berita sensasi mengenai Saddam tanpa suntingan.

Kita, secara keseluruhannya, mempercayai momokan Amerika itu sehingga pencerobohan bersama konco-konconya yang hampir memusnahkan sebuah tamadun, telah dianggap wajar.

Dengan memperkudakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Amerika telah memberi `lesen' kepada dirinya sendiri untuk menggeledah seluruh Iraq, kononnya untuk mencari dan memusnahkan projek senjata kimia yang hingga hari ini mereka gagal membuktikan kesahihannya.

Pelbagai sekatan telah dikenakan ke atas Iraq. Penderitaan rakyat, khususnya golongan kanak-kanak, tidak pernah dipedulikan.

Ramai antara mereka mati kelaparan dan beribu-ribu diserang kanser darah akibat terkena percikan senjata kimia ketika Perang Teluk yang meragut puluhan ribu nyawa.

Tujuannya hanya satu - hapuskan Saddam, pemimpin yang dilihat mampu menggugat kepentingan Amerika dan Israel di Teluk.

Selepas gagal dengan kekerasan, Amerika juga memainkan peranan penting dalam pilihan raya di Iraq selepas itu dengan memberi sokongan kepada pihak pembangkang. Tetapi, Saddam tetap mendapat sokongan besar rakyatnya yang menderita.

Kini - selepas 10 tahun - dengan segala kepayahan dan keperitan, Iraq dan Saddam kembali tegak dan megah dengan tamadunnya.

Saddam terus menjadi pemimpin yang disayangi rakyat dan mendapat simpati dunia, termasuk Malaysia.

Bagaimanapun, agak malang, ketika negara itu masih memerlukan bantuan, khususnya pengorbanan rakyatnya sendiri, kira-kira dua juta tenaga pakar negara itu melarikan diri untuk mencari kehidupan yang lebih hijau di tempat lain.

Demikianlah Amerika sanggup melakukan apa saja demi kepentingan mereka dan Yahudi sekalipun terpaksa membunuh, menyeksa dan menghancurkan sebuah negara untuk menegak sebuah kebenaran mengikut acuan mereka.

Ketika hajat besar mereka dilihat belum terlaksana di Iraq hingga ke hari ini, Amerika cuba mengalih sasaran ke arah Malaysia pula.

Pada 1997, krisis ekonomi melanda Asia Timur dan `polis dunia' itu telah mengambil kesempatan ini dalam percubaan mereka menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang pemimpin yang diiktiraf sebagai suara yang mewakili Dunia Ketiga.

Bermulalah serangan peribadi oleh media Barat yang memomokkan Dr Mahathir sebagai manusia durjana yang akan menghancurkan negaranya sendiri.

Segelintir media tempatan yang memihak kepada pembangkang serta laman web tidak berselindung lagi, telah menyiarkan tanpa suntingan apa saja yang disogok oleh Barat.

Putih atau hitam ditentukan oleh mereka.

Dengan memeralatkan seorang pemimpin boneka dan disokong pula oleh pelbagai parti pembangkang, terutama parti yang membalut diri mereka dengan wajah Islam, menyebabkan Dr Mahathir dilihat sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap ekonomi negara yang merudum.

Tanpa mengambil kira pelbagai faktor luaran, kesahihan sumber berita, Malaysia hampir lumpuh. Rakyat negara ini dan dunia hampir terperangkap dengan segala gambaran yang diwujudkan oleh rangkaian media cetak dan elektronik antarabangsa.

Mujur ketika yang sama Presiden Amerika, Bill Clinton, sedang berdepan masalah yang hampir sama dengan pemimpin boneka mereka di Malaysia.

Dibantu oleh kegawatan negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan yang sekali gus turut menggugat kepentingan Amerika di negara berkenaan, menyebabkan serangan terhadap Dr Mahathir tidak padu.

Media Barat dan Amerika juga dilihat telah menghulur pelbagai bantuan untuk menjatuhkan Dr Mahathir pada pilihan raya umum 1999. Tetapi, pada usia 75 tahun, Dr Mahathir telah mengharungi dugaan paling besar dalam sejarah hidupnya.

Dengan segala kepayahan dan keperitan, Dr Mahathir muncul sebagai pemenang.

Kini selepas tiga tahun lapan bulan, Dr Mahathir masih di situ untuk terus menerajui negara.

Walaupun, pembangkang mendakwa mereka sudah kuat dan kelihatan kuat daripada sebelumnya, majoriti rakyat sudah sedar akan tipu helah mereka yang cuba menyamakan beliau dengan Saddam.

Dunia kini sedar Dr Mahathir dan Saddam mempunyai kekuatan dan sokongan yang perlu dihormati.

Malaysia dan Iraq - seperti negara lain juga - perlu diberi kebebasan untuk menentukan hala tuju mereka sendiri.

Pembangkang di Malaysia harus belajar menghormati keputusan majoriti dan erti demokrasi. Pilihan raya umum 2004 akan menentukan segala-galanya, bukannya retorik dan demonstrasi jalanan.